



---

**DOKUMEN SEBUTHARGA**  
**RUJUKAN: \_\_\_\_\_**

**CADANGAN PELANTIKAN KONTRAKTOR BAGI  
PERKHIDMATAN PENCUCIAN CAWANGAN MINI BSN NEGERI  
WILAYAH PERSEKUTUAN (ZON A) UNTUK TEMPOH 2 TAHUN**

---

**Tarikh Taklimat** :

**Tarikh Tutup** : **Sebelum jam 12.00 Tengah hari**

**Peti** : **Peti Tender ( )  
Bahagian Perolehan,  
Tingkat 14, Wisma B.S.N. 117, Jalan Ampang,  
50450 KUALA LUMPUR.**

**PROJEK :**

**CADANGAN PELANTIKAN KONTRAKTOR BAGI PERKHIDMATAN PENCUCIAN CAWANGAN  
MINI BSN NEGERI WILAYAH PERSEKUTUAN (ZON A) UNTUK TEMPOH 2 TAHUN**

**ISI KANDUNGAN.**

**DOKUMEN SEBUTHARGA**

<b>BIL</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
1	<i>Letter Of Integrity'</i>	3 – 4
2	<b>Tawaran Sebutharga dan Syarat Mengemukakan Sebutharga</b>	5 – 6
3	<b>Penerangan dan Arahan Kepada Penender</b>	6 – 7
4	<b>Syarat – Syarat Am</b>	7 – 15
5	<b>Perkara – Perkara Am</b>	16 – 19
6	<b>Terma-terma Kesalahan Rasuah</b>	20
7	<b>Lampiran Tidak Bersetuju</b>	21
8	<b>Lampiran Surat Akuan Terima</b>	22
9	<b><u>Dokumen Tawaran Kewangan</u></b>	
	Senarai Semak (Cadangan Tawaran Kewangan)	24
	Lampiran A - Borang Sebutharga	25 – 26
	Lampiran B - Salinan Resit Pembelian Dokumen	27
	Lampiran C - Surat Akuan Pembida	28
	Lampiran D - <i>General Summary, Bill Of Quantities</i> , Lukisan Terperinci	29 – 35
	Lampiran E - Borang Maklumat Syarikat	36 – 38
10	<b><u>Dokumen Tawaran Teknikal</u></b>	
	Senarai Semak (Cadangan Tawaran Teknikal)	41
	Jadual Tawaran Teknikal (Pematuhan)	42 – 55
	Lampiran F - Jadual & Kaedah Perlaksanaan	56
	Lampiran G - Senarai Kakitangan Teknikal	57
	Lampiran H - Senarai Pengalaman Kerja ( 2 Tahun Terakhir)	58
	Lampiran I - Senarai Kerja/Projek Di Tangan Bagi Tahun Semasa	59



## Letter of Integrity

Dear Tenderer

As business partners working together successfully and to ensure the highest level of principles, values and standards between both parties are met, we at Bank Simpanan Nasional (BSN), recognize that at times, misconduct may arise which may put our reputation at risk. Here at BSN, we practice “zero tolerance” for any misconduct and we also endeavor not to put our business partners’ reputation at risk.

This letter is to outline our understanding of what are the essential elements for maintaining an effective business relationship based on mutual respect and trust. For your information, our Code of Conduct, which is valid nationwide, emphasizes on a number of business situations where we have precise expectations on how our employees should behave towards you and how potential conflict of interest situations will be managed. A better understanding on your part of these expectations would improve our mutual understanding and business relationship.

We therefore outline below a number of these situations:

1. **Gifts** – We recognize the importance of maintaining harmonious relationship with our business partners. Thus, there are situations, as we deem fit and proper, to give small gifts to our esteemed business partners as tokens of appreciation. However, our Code of Conduct prohibits our employees directly or indirectly, asking for, receiving, consenting or agreeing to receive any gift, commission, emolument, gratuity, money, property, token or thing in association with any transaction or business that relates to BSN. In line with this commitment, we adopt a “No Gift Policy”.
2. **Entertainment** – We believe that unofficial contact with business partners is significant to build, inculcate and prosper business relationships. However we do not view attendance at events of entertainment as necessary for nurturing successful, healthy and mutually beneficial business relationships. If you wish to invite a BSN representative to an entertainment event, please ensure there is a justifiable business reason and also please send the invitation to our CE’s Office or its executive team who will ensure that the appropriate BSN’s representative attends.
3. **Membership on governing boards** – There are strict requirements regarding our employees’ membership on governing boards organized for profit. This is to safeguard our organization and our employees from potential conflicts of interest and to ensure that our impartiality is not compromised.

As our business partner, we recognize and appreciate your contribution to our business success. We realise that business is not simply about addressing short-term cost and commercial considerations, but it's also about establishing and maintaining lasting business relationships based on mutual respect.

We look forward to working together in this regard to uphold our reputation and mutual interests.

Yours faithfully,



**JAY KHAIRIL JEREMY ABDULLAH**

Chief Executive

Bank Simpanan Nasional

## 1.0 TAWARAN SEBUTHARGA

### CADANGAN PELANTIKAN KONTRAKTOR BAGI PERKHIDMATAN PENCUCIAN CAWANGAN MINI BSN NEGERI WILAYAH PERSEKUTUAN (ZON A) UNTUK TEMPOH 2 TAHUN

Adalah dimaklumkan bahawa tuan/puan dipelawa untuk menyertai sebutharga sebagaimana tersebut di atas.

## 2.0 SYARAT-SYARAT MENGEMUKAKAN SEBUTHARGA.

- 2.1 Tuan/Puan hendaklah membaca dan memahami syarat-syarat spesifikasi sebutharga sebelum mengemukakan sebutharga dan membuat rujukan dengan pihak bank jika terdapat sebarang pertanyaan.
- 2.2 **Dokumen Tawaran Kewangan dan Tawaran Teknikal** hendaklah dimasukkan kedalam **dua (2) sampul surat berasingan dan seterusnya dimasukkan kedalam satu (1) sampul surat utama (lebih besar)** serta perlu **dilabelkan dengan jelas**. Dokumen tawaran dihantar secara serahan tangan atau secara POS **sebelum atau pada jam 12.00 tengahari, hari \_\_\_\_\_ bertarikh\_\_\_\_\_** ke dalam peti sebutharga yang disediakan, tawaran sebutharga yang **dikemukakan lewat** dari tarikh dan masa tersebut tidak akan dipertimbangkan.
- 2.3 Ketua Eksekutif Bank Simpanan Nasional tidak terikat untuk menawarkan kerja kepada petender yang terendah atau lain-lain petender.
- 2.4 Bank Simpanan Nasional berhak untuk menangguhkan atau membatalkan sebutharga ini samada sebahagian atau keseluruhan sebelum atau selepas tarikh tutup sebutharga tanpa memberikan sebarang alasan terhadap keputusan tersebut. Pihak Bank tidak bertanggungjawab dalam apa jua keadaan untuk membuat sebarang pampasan atau apa-apa bayaran kepada petender berkaitan dengan penangguhan atau pembatalan ini.
- 2.5 **Tajuk Sebutharga dan tarikh tutup Sebutharga** hendaklah **ditulis** disebelah atas **penjuru kiri sampul surat** dan sila masukkan dokumen sebutharga didalam peti tender pada atau sebelum tarikh tutup di alamat berikut :-

**Peti Tender ( )**  
**Bahagian Perolehan,**  
**Tingkat 14, Wisma B.S.N. 117, Jalan Ampang,**  
**50450 KUALA LUMPUR.**

## 2.6 CONTOH CARA PENGHANTARAN TAWARAN SEBUTHARGA SAMPUL UTAMA

<p><b>SULIT</b></p> <p>No. Sebutharga : xxx/xxx Tajuk Sebutharga : Cad. Sebutharga xxxx Ditutup Pada xx Februari 2020 Jam 12. Tengahari</p> <p>Peti Tender ( ) Bahagian Perolehan, Tingkat 14, Wisma B.S.N. 117, Jalan Ampang 50450 KUALA LUMPUR.</p>	<p><b>SULIT</b></p> <p>No. Sebutharga: xxx/xxx Tajuk Sebutharga : xxxx <b>DOKUMEN TAWARAN KEWANGAN</b></p> <p><b>SULIT</b></p> <p>No. Sebutharga: xxx/xxx Tajuk Sebutharga : xxxx <b>DOKUMEN TAWARAN TEKNIKAL</b></p>
---	---

## 3.0 PENERANGAN DAN ARAHAN-ARAHAN KEPADA PETENDER

### 3.1. Jika mana-mana Petender :-

- a) Menarik balik sebutharganya sebelum tamat tempoh sah sebutharga atau apa-apa tempoh lanjut, atau
- b) Mengenakan had, syarat atau perjanjian tambahan selepas tarikh akhir yang ditetapkan bagi penyerahan sebutharga (dan dalam hal yang sedemikian ianya hendaklah disifatkan sebagai penarikan balik sebutharga ini), atau
- c) Jika sekiranya sebutharga telah disetujuterima, enggan dan tidak melaksanakan Perjanjian Kontrak yang rasmi atau gagal mendeposit Bon Perlaksanaan atau tidak meneruskan kerja-kerja,

maka, dalam mana-mana hal itu, Bank Simpanan Nasional hendaklah, tanpa menyentuh apa-apa hal lain yang ada padanya, sentiasa berhak mengambil tindakan membatalkan pendaftaran Petender sebagai kontraktor bank atau melaporkan kepada pihak berkuasa sekiranya perlu atau kedua-duanya sekali.

- 3.2. Tiada apa-apa perubahan atau tambahan yang tidak dibenarkan boleh dibuat kepada borang sebutharga atau mana-mana dokumen sebutharga yang lain.
- 3.3. Penyebut harga adalah diwajibkan / digalakkan untuk memeriksa dokumen/spesifikasi tersebut pada waktu pejabat selepas sesi taklimat sebut harga untuk memastikan yang mereka faham kerja-kerja yang akan dijalankan sebelum mengisi Borang Sebut harga dan tiada sebarang perubahan atau tambahan harga yang dibenarkan di atas sebarang percanggahan di dalam *Bill Of Quantity* (BQ) dan spesifikasi.
- 3.4. Penyebut harga tidak dibenarkan untuk membuat sebarang tuntutan ke atas sebarang percanggahan di dalam BQ dan spesifikasi.

- 3.5. Petender yang berjaya (jika ada) akan diberitahu tentang sebutarganya melalui Surat Setuju Terima Tawaran dalam tempoh sah sebutarga atau apa-apa tempoh lanjutan. Petender tersebut hendaklah dengan berapa segera yang praktik tetapi sebelum bermulanya kerja-kerja, petender perlu menandatangani perakuan terima tawaran (contoh seperti **lampiran Surat Akuan Terima**) dan mendeposit dengan Bank, perkara-perkara berikut:-
- a) Polisi Insurans Tanggungan Awam ( iaitu insuran terhadap bencana kepada orang-orang atau kerosakan kepada harta ) atau Nota Liputan berserta dengan resit bagi premium yang telah dibayar.
  - b) Polisi Insurans Kerja
  - c) Nombor pendaftaran di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerja (PERKESO) dan/atau Polisi Insurans Pampasan Pekerja bagi pekerja yang tidak termasuk di bawah Skim PERKESO
- 3.6. Semua butir-butir di dalam jadual yang dilampirkan bersama Borang Tawaran Sebutarga (Kewangan & Teknikal) hendaklah diisi dan diserahkan dengan lengkap.
- 3.7. Tiap-tiap notis kepada Petender akan diposkan ke alamat yang dinyatakan di dalam borang tawaran sebutarga dan pengiriman tersebut hendaklah disifatkan penyampaian yang sempurna akan notis itu.
- 3.8. Perkataan 'Petender' dalam syarat-syarat ini hendaklah disifatkan sebagai termasuk dua orang atau lebih.
- 3.9. Jika Petender tidak mematuhi mana-mana syarat yang tersebut di atas mengenai apa jua hal maka ini boleh menyebabkan sebut harganya ditolak.
- 3.10. Arahan-arahan sebutarga ini, setakat mana ianya mungkin menyentuh pelaksanaan kontrak ini, hendaklah disifatkan menjadi sebahagian daripada kontrak ini.

#### 4.0 SYARAT-SYARAT AM

##### 4.1. PEMBAYARAN

- a) Dengan cek setelah menerima bahan diatas dalam keadaan sempurna serta pemulangan semua artwork / filem / contoh seperti yang disyaratkan. **Pesanan Belian asal** hendaklah dikemukakan ke Jabatan Kewangan bersama **inbois** dan **nota hantaran** untuk **proses pembayaran**.
- b) Pihak Bank berhak mengenakan wang tahanan / potongan harga sekiranya pihak syarikat gagal sempurnakan kerja-kerja mengikut syarat-syarat dalam spesifikasi atau lewat menyiapkan kerja-kerja berdasarkan tempoh yang ditetapkan dalam arahan kerja.

##### 4.2. PENOLAKAN

- a) Mana-mana syarikat yang telah mengambil borang / sebutarga tetapi memutuskan untuk tidak menyertai cadangan kerja ini hendaklah memaklumkan secara bertulis kepada Bahagian Perolehan sebagaimana format dilampiran pada atau sebelum tarikh tutup.
- b) **Dokumen sebutarga yang kurang lengkap dan tidak mengikut spesifikasi tidak akan diberi pertimbangan.**

#### **4.3. RINGKASAN TAWARAN**

- a) Ringkasan tawaran hendaklah diisi dengan lengkap, ditandatangani dan dikemukakan bersama-sama dengan borang sebutharga. Harga untuk mana-mana butiran yang tidak diisi dan juga perkara-perkara yang tidak disenaraikan di dalam Ringkasan tawaran tetapi diperlukan dan dapat disimpulkan dari penentuan kerja atau spesifikasi sebutharga adalah dianggap telah termasuk kedalam sebutharga.
- b) Ringkasan Tawaran hendaklah menjadi sebahagian daripada Borang Sebutharga ini dan hendaklah menjadi asas Jumlah Sebut Harga/Sebutharga.
- c) Tiada sebarang tuntutan akan dilayan bagi pelarasan harga akibat daripada perubahan kos kerajaan, sama ada dalam tempoh sah sebutharga atau dalam tempoh perkhidmatan.

#### **4.4. JUMLAH HARGA SEBUTHARGA**

- a) Jumlah sebut harga/sebutharga ialah jumlah harga yang dicatatkan di dalam Borang Tawaran Sebutharga Perkhidmatan atau lain-lain jumlah yang dibenarkan menurut syarat-syarat sebutharga ini.
- b) Jika terdapat perbezaan di antara jumlah di dalam Ringkasan Sebut Harga/Sebutharga dengan jumlah yang dibawa ke Borang Sebutharga/Sebutharga maka jumlah harga sebutharga yang akan diambil kira ialah jumlah yang dinyatakan di dalam Borang Sebutharga/Sebutharga tersebut. Sekiranya berlaku kesilapan antara jumlah perkataan dengan jumlah berangka maka jumlah perkataan hendaklah diambil kira.

#### **4.5. PENGELUARAN / PELAKSANAAN KERJA**

- a) Sebut harga/sebutharga yang berjaya akan dikeluarkan melalui surat tawaran Bank Simpanan Nasional selepas kelulusan sebut harga/sebutharga Bank Simpanan Nasional.
- b) Pihak Bank berhak mengenakan wang tahanan atau bon pelaksanaan sebagai satu syarat tawaran.

#### **4.6. MENYERAH HAK PERKHIDMATAN**

- a) Keseluruhan kontrak yang dipersetujui kontraktor di sini tidak boleh dipindah kepada mana-mana pihak yang lain, juga Kontraktor tidak dibenarkan menyerahkan hak sepenuhnya, sebahagian mahupun mana-mana bahagian perkhidmatan-perkhidmatan kepada kontraktor-kontraktor lain. Berkaitan dengan yang sama, kontraktor memberi akujanjinya di sini tidak akan menyerahkan hak apa-apa faedah di bawah perkhidmatan ini tanpa terlebih dahulu mendapat persetujuan bertulis daripada Pegawai Penguasa.

#### **4.7. JADUAL KERJA**

- a) Syarikat yang berjaya hendaklah mengemukakan / memaklumkan jadual kerja yang menunjukkan rancangan kerjanya adalah munasabah dan selaras dengan tempoh siap kerja yang ditawarkan.



#### **4.8. TEMPOH SIAP KERJA**

- a) Kerja-kerja hendaklah disiapkan seberapa segera yang mungkin. Oleh itu kontraktor dinasihatkan supaya berhati-hati didalam menentukan tempoh siap kerja.

#### **4.9. BON PELAKSANAAN**

- a) Bagi kontrak bekalan / perkhidmatan, syarikat yang telah dilantik hendaklah mengemukakan bon pelaksanaan sebelum pembekalan atau perkhidmatan dibuat seperti berikut :
  - i. Dua setengah peratus (2.5%) daripada jumlah harga kontrak bagi kontrak bekalan / perkhidmatan dengan nilai melebihi RM300,000 hingga RM500,000
  - ii. Lima peratus (5%) daripada jumlah harga kontrak bagi kontrak bekalan / perkhidmatan yang dengan nilai melebihi RM500,000
  - iii. Bagi kontrak bermasa (periodic contract) yang berkuatkuasa dalam tempoh dua (2) tahun atau lebih, peratus dan pengiraan nilai Bon Pelaksanaan hendaklah dikira mengikut anggaran harga kontrak setahun sahaja. Walau bagaimanapun, Bon Pelaksanaan yang dikemukakan oleh syarikat hendaklah meliputi keseluruhan tempoh kontrak bermasa.

#### **4.10. PERMULAAN KERJA**

- a) Syarikat hendaklah memulakan kerja dalam tempoh SEGERA dari tarikh surat arahan kerja dikeluarkan dikeluarkan.
- b) Sekiranya syarikat gagal untuk memulakan kerja dalam tempoh arahan kerja, surat tawaran akan dibatalkan serta syarikat akan ditahan dari menyertai mana-mana kerja sebutharga selanjutnya dan tindakan mengesyorkan menggantung pendaftaran akan dibuat.
- c) Pihak Bank juga berhak mengubah tempoh atau tarikh mula kerja yang sepatutnya sekiranya terdapat kerja-kerja yang perlu disegerakan.

#### **4.11. PEMILIHAN SEBUTHARGA**

- a) Bank Simpanan Nasional tidak boleh terikat menerima sebutharga yang terendah sekali atau sesuatu sebutharga dan juga tidak terikat untuk memberi apa-apa sebab atas penolakan sesuatu sebutharga.
- b) Pihak Bank berhak untuk melantik syarikat yang berlainan untuk setiap item.

#### **4.12. TEMPOH KUATKUASA SEBUTHARGA**

Tempoh kuatkuasa sebutharga ini ialah selama 90 hari dari tarikh tutup.

#### **4.13. ARAHAN PEGAWAI PENGUASA ATAU WAKILNYA**

- a) Kontraktor hendaklah dengan serta merta mematuhi semua arahan yang dikeluarkan kepadanya oleh Pegawai Penguasa atau wakilnya untuk menyempurnakan dan menyiapkan perkhidmatan termasuk semua arahan untuk perkhidmatan-perkhidmatan tambahan dan pindaan.
  - i. Pihak Bank berhak melantik seorang pegawai yang akan bertanggungjawab, mengkaji, mengawasi perkembangan dan arah tujuan Kontrak yang dikendalikan oleh Kontraktor dari masa ke semasa (kemudian ini bergelar "Pegawai Penguasa").
  - ii. Pegawai Penguasa, Pengganti dalam jawatan atau pegawai yang dilantikannya, atau wakilnya adalah layak untuk mengeluarkan arahan, pesanan, apa-apa notis termasuk pindaan dan tambahan dan tidak terhad juga kepada notis penamatan perkhidmatan/kontrak ini, bagi pihak BSN kepada kontraktor, sama ada secara bertulis mahupun secara lisan.
  - iii. Kontraktor mengakui akan menuruti dan mematuhi segala arahan, pesanan, notis untuk pindaan dan/atau tambahan, dan apa-apa notis sekalipun yang mungkin diterima daripada Pegawai Penguasa, pengganti dalam jawatan atau pegawai yang dilantikannya, wakilnya yang bertindak bagi pihak Pegawai Penguasa dan berkaitan dengan yang sama hendaklah (sekiranya terpakai) dengan serta merta mematuhi semua arahan, pesanan dan notis-notis yang dikeluarkan bagi menyempurnakan dan pelaksanaan perkhidmatan yang dikehendaki.

#### **4.14. PEMBEKALAN & PERKHIDMATAN**

- a) Memastikan pekerja-pekerja warganegara Malaysia yang mahir di dalam bidang ini sahaja yang digunakan. Akan tetapi penduduk tetap negara (Permanent Resident) dan warganegara asing boleh digunakan sekiranya syarat-syarat berikut dipenuhi :-
  - i. Penduduk kekal negara ini juga mempunyai permit kerja yang dikeluarkan oleh Kementerian Sumber Manusia dalam bidang ini.
  - ii. Warganegara asing yang mempunyai permit kerja (Employment Pass) yang dikeluarkan oleh Kementerian Sumber Manusia dalam bidang ini.
  - iii. Umur pekerja dipersetujui di antara 18 tahun hingga 60 tahun yang sempurna fizikal dan masih dalam keadaan sihat serta boleh menjalankan kerja.
  - iv. Semua pekerja dikehendaki berpakaian uniform yang lengkap termasuk kasut yang sesuai dan tanda nama pada setiap masa semasa menjalankan kerja.
  - v. Semua pekerja dikehendaki mengetip kad kedatangan yang disediakan oleh pihak kontraktor dan perlu serahkan kepada bank semasa membuat tuntutan.
- b) Pihak Bank berhak meminta pertukaran pekerja secara lisan/bertulis sekiranya di dapati prestasi/tingkah-laku pekerja yang ditugaskan tidak

memuaskan. Sehubungan dengan itu, pihak kontraktor perlulah menukarkannya dalam tempoh masa **48 jam** atas arahan dikeluarkan.

- c) **Menyediakan seorang pekerja yang berpengalaman dalam bidang lanskap** bagi memudahkan pihak Bank Simpanan Nasional memberi arahan-rarahan ataupun teguran berhubung dengan kerja-kerja sedang dilaksanakan olehnya. Pihak kontraktor juga perlu menyediakan **2 unit walkie talkie** bagi memudahkan pihak Bank berhubung dengan penyelia.
- d) Bilangan pekerja yang diperlukan seperti berikut :

Bil	Lokasi	Bilangan Pekerja	Keperluan Pekerja		
			Tetap	Mobile	
				Pagi	Petang
1.	Rujuk Lampiran	Cawangan Mini (part time) (3 jam pencucian)		Rujuk Cawangan	Rujuk Cawangan

- e) Waktu Kerja Kontraktor:

- i. Waktu Kerja Harian

Bil	Hari	Waktu Bekerja Dalam Pejabat & Perkarangan Bangunan Bank
1	Isnin – Jumaat	Mobile Team – Part Time (3 jam pencucian)

- ii. Waktu Kerja berkala yang lain perlu dijadualkan dan rujuk kepada Penyelia.
- iii. Sebarang kerja yang tidak dapat disiapkan dalam waktu pejabat/kerja tidak memuaskan / perlu dijadualkan selepas waktu pejabat adalah atas kos perbelanjaan syarikat sendiri pada hari yang sama dengan kebenaran pihak Pengurusan pihak BSN.
- f) Kontraktor dikehendaki mengemukakan Laporan bulanan pada minggu pertama bulan berikutnya, Laporan hendaklah lengkap dengan maklumat kerja-kerja yang dirancang, yang dilaksanakan, kos-kos kerja, penggantian serta pembekalan yang terlibat, penggantian alat ganti, kehadiran pekerja, standard pencapaian kerja dan lain-lain.
- g) Kontraktor dikehendaki mengemukakan jadual kerja dan 'check list' yang menunjukkan rancangan kerja bulanan yang munasabah dan perlu mengemukakan kepada pihak bank selewat-lewatnya 7 hari sebelum bulan berikutnya untuk komen kesesuaian dan mematuhi jadual kerja.
- h) Kontraktor dikehendaki mengemukakan maklumat pekerja (nama, alamat, no kerja permit/kad pengenalan) kepada bank dan setiap kali terdapat pertukaran pekerja serta kaedah kerja (Method Of Statement) kepada pihak Bank.
- i) Penolakan Bahan, Barang Dan Perkhidmatan Oleh Pegawai Penguasa
- i. Pegawai Penguasa atau wakilnya berhak menolak bahan, barang dan perkhidmatan oleh kontraktor yang tidak mematuhi spesifikasi. Bahan, barang dan perkhidmatan yang ditolak hendaklah diganti atau

dilaksanakan semula dan sebarang kos tambahan yang terlibat hendaklah ditanggung oleh kontraktor sendiri.

#### 4.15. PEMOTONGAN BAYARAN

- a) Potongan pembayaran akan dilakukan seperti yang tertera dibawah:-
- i. Kadar Peratusan Permotongan harga bagi kerja kurang/tidak memuaskan seperti berikut :

Bil	Prestasi Kerja	Tolak %
i	Memuaskan	Nil
ii	Kurang memuaskan (boleh terima)	10%
iii	Tidak memuaskan	30%
iv	Tidak menjalankan kerja	100%

- ii. Kadar pemotongan Harga Bagi Pekerja Tidak Hadir / Lewat

Bil	Perkara	Kadar Sehari
i	<b>Pekerja Pencucian (Caw. Mini - Mobile Team/Part Time)</b>	<b>RM50.00</b>

- b) Kerja-kkerja yang dijalankan akan dinilai setiap bulan dan pemotongan prestasi akan dijalankan sekiranya kerja-kkerja yang dilakukan tidak memuaskan dan berdasarkan kehadiran pekerja.

#### Contoh kiraan pemotongan harga bagi prestasi tidak memuaskan.

Pemotongan harga bagi prestasi kerja yang tidak memuaskan	
a. Harian/ Bulanan	
- Jumlah Harga Bulanan	$\times$ Bilangan hari kerja
-----	tidak memuaskan
Jumlah hari bekerja	$\times$ Peratus tidak memuaskan
Dalam bulan tersebut	= Jumlah yang perlu ditolak
- RM 400.00 sebulan	$\times$ 5 hari
-----	$\times$ 30 %
26 hari	= RM23.76
- Bayaran kepada kontraktor RM 376.24 sebulan ( RM 400 – RM 23.76 )	

#### 4.16. PEMATUHAN

- a) Pematuhan Kepada Undang-Undang Kecil, Undang-Undang Berkanun Oleh Kontraktor
- i. Kontraktor hendaklah mematuhi semua undang-undang kecil yang berkenaan dan membayar semua yuran, caj dan lain-lain bayaran yang berkaitan. Kontraktor tidak berhak menuntut sebarang kos atau bayaran tambahan berhubung dengan pematuhannya dengan syarat-syarat ini.

- b) Semua kerja-kerja yang dijalankan adalah tertakluk kepada peraturan OSHA dan lain pihak berkuasa
- c) Mematuhi serta memenuhi Service Level Agreement dan Key Performance Indicator yang telah ditetapkan oleh pihak Bank

#### 4.17. LAIN-LAIN

- a) Pihak Bank berhak menolak penerimaan mana-mana pembekalan bahan-bahan diatas yang didapati kurang memuaskan serta tidak mengikut spesifikasi ini. Juga, penalti boleh dikenakan keatas mana-mana pembekal yang tidak membuat pembekalan bahan tersebut dalam jangka masa yang telah ditetapkan oleh Bank.
- b) Pihak pembekal /kontraktor hendaklah bersedia untuk membuat sebarang pindaan ke atas bahan ini sekiranya berlaku perubahan baru keatas formatnya tanpa tambahan kos.
- c) Pembekalan yang telah dibuat tetapi mengalami kerosakan semasa proses pengagihan di BSN (ketika digunakan) akibat tidak menepati spesifikasi hendaklah dibuat penggantian semula oleh pihak pembekal.
- d) Syarikat yang tidak mematuhi syarat-syarat di dalam dokumen sebutharga ini boleh disenarai hitamkan dari menyertai mana-mana sebutharga BSN.
- e) Pihak pembekal /kontraktor juga bersetuju, jika sebutharga ini disetujuterima untuk:-
  - i. Mendeposit dengan seberapa segera yang praktik selepas penerimaan Surat Setuju Terima Tawaran sebutharga tetapi sebelum bermulanya kerja-kerja, perkara-perkara berikut :-
    - Polisi Insurans Tanggungan Awam (iaitu insurans terhadap bencana kepada orang-orang dan kerosakan kepada harta) atau Nota Liputan beserta dengan resit bagi premium yang telah dibayar.
    - Nombor pendaftaran di bawah skim Keselamatan Sosial Pekerja (PERKESO).
    - Senarai nama pekerja.
  - ii. Memastikan pembekalan peralatan yang cukup dan pekerja menggunakan peralatan yang sesuai bagi menjalankan kerja mengikut keperluan semasa termasuk mesin, tangga, papantanda, 'barries' dan lain-lain keperluan.
  - iii. Semua mesin yang digunakan adalah tertakluk kepada peraturan dan undang-undang berikut :-
    - Standard and Industrial Research Institute Of Malaysia (SIRIM)
    - Electrical Inspectorate Act 1983 (Act 277) and Electrical Inspectorate Regulation.
    - Factory and Machinery Act 1967 (Act 139) and Regulation and Rules.
    - Factory and Machinery (Building Operational and Works of Engineering Construction) Regulation 1986.

- iv. Segala peralatan dan bahan *chemical* tidak akan menyebabkan kerosakan terhadap harta benda Bank. Sekiranya berlaku kerosakan, maka Bank berhak untuk membuat tuntutan bagi membaiki/membeli yang baru. Segala bahan *chemical* yang dibekalkan dan digunakan mestilah memperolehi kelulusan pihak-pihak Berkuasa **serta mematuhi CLASS 2013 sebelum digunapakai dan "Safety Data Sheet" (SDS) bahan chemical** tersebut perlulah dikemukakan kepada Bank. Pihak Kontraktor juga diminta mengemukakan laporan penggunaan bahan *chemical* pada setiap bulan sepertimana arahan JKPP di BSN. Semua pekerja juga dikehendaki menghadiri latihan serta penerangan cara-cara penggunaan *chemical* yang digunakan. Ini bagi mengelakkan daripada sebarang kejadian yang tidak diingini berlaku.
  - v. Tidak merosakkan peralatan Bank semasa menjalankan kerja. Sebarang kerosakan yang dilakukan dengan sengaja atau tidak sengaja oleh pekerja-pekerja hendaklah diperbaiki/diganti oleh pihak tuan/puan. Sekiranya kontraktor gagal berbuat demikian selepas tamat tempoh yang diberikan, maka Bank berhak memanggil syarikat lain untuk memperbaiki/pembekalan baru dibuat dan segala kos akan ditolak dari sebarang Bayaran kepada pihak kontraktor terlibat.
  - vi. Kontraktor tidak boleh menyerah hak atau menyewakan mana-mana Bahagian kerja dibawah surat tawaran yang dikeluarkan kecuali mendapat kebenaran secara bertulis daripada pihak Bank Simpanan Nasional.
  - vii. Menyiapkan kerja dengan tidak memuaskan tanpa alasan-alasan yang boleh diterima, maka pemotongan bayaran akan dilakukan seperti berikut / serta-merta pihak Bank berhak memanggil mana-mana syarikat bagi meneruskan kerja-kerja yang tidak disempurnakan/tidak memuaskan dimana segala kos akan ditolak dari peruntukan bayaran kepada kontraktor asal, manakala sekiranya terdapat baki, ianya barulah akan dibayar kepada kontraktor asal.
- f) Membuat tuntutan dengan mengemukakan bil / Inbois dan DO terhadap kerja-kerja yang telah disiapkan kepada Bank untuk diproses bayaran bersama Pesanan Belian / Kontrak Perjanjian.
  - g) Kontraktor dikehendaki mengemukakan maklumat pekerja (nama, alamat, no. kerja permit/kad pengenalan) kepada Bank dan setiap kali terdapat peruntukan pekerja.
  - h) Semua kerja-kerja yang dijalankan adalah tertakluk kepada peraturan OSHA dan lain pihak berkuasa.
  - j) Pihak Pembekal/Petender dengan ini juga bersetuju bahawa borang sebutharga ini berserta Surat Setuju Terima sebutharga ini, hendaklah menjadi kontrak yang mengikat Bank Simpanan Nasional dengannya walaupun Perjanjian Kontrak yang rasmi belum dilaksanakan.
  - k) Yang bertandatangan di bawah tawaran sebutharga ini bersetuju bahawa :
    - i. Jika sebutharga ini ditarik balik sebelum tamat tempoh sah sebutharga atau apa-apa tempoh lanjutan, atau

- ii. Mengenakan apa-apa had, syarat atau janji tambahan kepada sebutharga ini selepas tarikh akhir yang ditetapkan bagi penyerahan sebutharga, atau
  - iii. Enggan atau tidak melaksanakan perjanjian kontrak yang rasmi atau tidak meneruskan kerja-kerja;-  
Maka, dalam mana-mana hal itu, tanpa menyentuh apa-apa hak lain yang ada padanya, Bank Simpanan Nasional adalah berhak mengambil tindakan yang padanya, Bank Simpanan Nasional adalah berhak mengambil tindakan yang sewajarnya yang difikirkan perlu terhadap yang bertandatangan di bawah ini.
  - iv. Bank berhak untuk menawarkan satu skop kerja saja / melebihi satu skop kerja tanpa memberi alasan tidak ditawarkan skop kerja yang tertentu.
  - v. Bank berhak untuk menamatkan semua perkhidmatan yang ditawarkan atau sebahagian perkhidmatan yang ditawarkan dengan memberi notis tempoh 30 hari kepada yang bertandatangan di bawah ini tanpa memberi sebarang alasan/penjelasan mengenai penamatan perkhidmatan ini sebelum tamat tempoh perjanjian yang telah ditandatangani.
- l) Pihak Bank berhak mengambil sebutharga dari pihak ketiga sekiranya kontraktor yang dilantik memberi sebutharga bagi item yang tidak terdapat didalam dokumen sebutharga.
  - m) Meneliti borang sebutharga, penentuan kerja dan setelah melawat tapak dan mendapat segala keterangan yang difikirkan mustahak untuk kerja-kerja ini, saya/kami dengan ini memberikan sebutharga bagi menjalankan kerja-kerja mengikut sebagaimana penentuan yang bernilai bulanan/berjadual/sekali *service* bagi skop kerja yang dinyatakan. (Rujuk Ringkasan Jadual Harga)
  - n) Pihak Kontraktor diwajibkan mengemukakan **salinan Penilaian Prestasi Kontraktor (KPI) berserta Invois** semasa mengemukakan tuntutan bulanan Penyelenggaraan. Pembayaran tidak akan dilakukan sekiranya pihak kontraktor **TIDAK HADIR** pada sesi Penilaian Prestasi Kontraktor (KPI) yang dijalankan setiap bulan.
  - o) Setiap kontrak yang dilantik, kontraktor / pembekal **WAJIB** mengemukakan penyata kewangan dan keupayaan teknikal pekerja secara tahunan untuk tujuan kajian semula apabila diminta.
  - p) Pada setiap helaian **Dokumen Tawaran Teknikal**, semua penender **DILARANG SAMA SEKALI** untuk menyatakan sebarang pengenalan syarikat (Cop Syarikat, Letterhead, Salinan Sijil yang mempunyai nama syarikat).
  - q) Jika didapati pelanggaran terhadap mana-mana syarat yang dinyatakan, Bank berhak untuk menolak tawaran yang dikemukakan.

#### 4.18. PERKARA-PERKARA AM

BIL	PERKARA
1	Kerja-kerja di atas adalah termasuk kos pengangkutan dan upah kerja.
2	Bagi setiap 'servis call' yang diterima, pihak kontraktor perlu hadir dalam masa 10minit hingga 0.30 jam ( <i>Respond time</i> ) atau pada suatu tarikh/masa yang di peretujui oleh pihak Bank dan 'Unlimited servis call' tanpa melibatkan sebarang kos. <b>(Rujuk lampiran A)</b>
3	Waktu bekerja semasa penyelenggaraan biasa adalah seperti berikut :  <b><i>Isnin hingga Jumaat 7.30am hingga 5.30pm</i></b>
4	Syarikat/pihak kontraktor juga perlu mengemaskini ke semua rekod sistem berkaitan dan menyerahkan kepada pihak Bank.
5	Perlu mematuhi dan menyediakan jadual penyelenggaraan berkala ( <i>PPM</i> ) serta laporan bulanan dan dikemukakan kepada pihak Bank pada hari ke- 7 bulan berikutnya. <b>(Rujuk lampiran A)</b>
6	Sebarang permasalahan/isu yang berlaku di tapak hendaklah terlebih dahulu rujuk kepada pihak Bank.
7	Sebarang penggantian / penukaran peralatan, pihak kontraktor perlu mengemukakan laporan penyelenggaraan atau laporan pembaikan sebelum kerja-kerja dilakukan.
8	Pihak kontraktor perlu mendapatkan surat arahan kerja ( <i>work order</i> ) sebelum sesuatu kerja dilakukan. <b>(Contoh Work Order seperti di lampiran )</b>
9	Pihak kontraktor perlu memberi jaminan pada peralatan setiap kali penukaran/penggantian bagi kerja-kerja yang dijalankan.
10	Pihak kontraktor perlu membekal peralatan/bahan ' <i>chemical</i> ' yang berkualiti sepertimana yang telah dipersetujui di dalam kadar harga.
11	Pihak kontraktor perlu mematuhi peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja semasa menjalankan kerja-kerja di premis bank. <b>(Rujuk lampiran A)</b>
12	Pihak kontraktor perlu menyediakan borang kepuasan pelanggan bagi memenuhi keperluan Penilaian Prestasi Kontraktor ( <i>KPI</i> ). <b>(Rujuk lampiran A)</b>
13	Pihak Kontraktor perlu diwajibkan menghadiri sesi Penilaian Prestasi Kontraktor ( <i>KPI</i> ) bagi setiap bulan, yang dihadiri oleh Pengurus Syarikat bersama pegawai pihak bank. <b>(Rujuk lampiran A)</b>
14	Pihak Kontraktor /vendor perlu menjalankan ujian BCP/DRP samaada (2) kali setahun, (1) sekali setahun bergantung pada sistem dan kerja-kerja yang dijalankan.
15	Pihak kontraktor/vendor perlu mengemukakan laporan ujian BCP/DRP kepada pihak Bank selepas kerja-kerja dijalankan.
16	Seperti yang digariskan dalam "Guidelines On Business Continuity Management (BCM)" oleh Bank Negara Malaysia iaitu item "E.Outsourcing". Panduan tersebut menggariskan bahawa pihak vendor/kontraktor perlu mengemukakan/menyediakan perancangan pegawai pengganti dan pembekal sekiranya berlaku gangguan utama yang mempengaruhi Perkhidmatan. <b>(Rujuk Lampiran C)</b>
17	Pihak kontraktor perlu mengemukakan plan tindakan bagi setiap BCP/DRP bergantung pada sistem dan kerja-kerja yang dijalankan. <b>(Rujuk Lampiran B)</b>



CONTOH BORANG KPI

LAMPIRAN A

BANK SIMPANAN NASIONAL  
JABATAN PENTADBIRAN AM  
KPI SYARIKAT PENYELENGGARAAN KAWALAN SERANGGA, BANGUNAN WISMA BSN (SYARIKAT ..... ) BAGI BULAN ..... 2014

PERSPEKTIF	NO	BIDANG PRESTASI UTAMA	OBJEKTIF	PENGUKURAN & SASARAN	% KEUTAMAAN (A)	MELAKSI SASTAN					PERKADARAN SEBENAR HULUNG BULAN(B)	PERKADARAN (AXB)
						1	2	3	4	5		
Aktiviti Penyelenggaraan	1	Penyelenggaraan Berjadual	Aktiviti penyelenggaraan yang dirancang dilaksanakan dengan sempurna	Perkataan Penyelenggaraan Berjadual / ≥ 95% berbanding dengan perancangan	25%	100%	97.5% - 100%	95% - 97.5%	Kurang menepati sasaran	1	<90%	
	2	Penyelenggaraan Pembaikan	Kerja-kerja pembaikan dilaksanakan dengan sempurna mengikut masa yang ditetapkan	Pembalakan dilaksanakan / ≥ 95% mengikut masa yang ditetapkan	10%	100%	97.5% - 100%	95% - 97.5%	Melaksi sasaran objektif	2	<90%	
	3	Laporan Perkhidmatan & Penyelenggaraan	Laporan Perkhidmatan & Penyelenggaraan bulanan	Masa Penghantaran Laporan/ Pada hari ke 7 bulan berikut	5%		Awal 2 hari atau lebih	Hari Ke 7 setiap bulan	Kurang menepati sasaran	3	Lewat 1 hari atau lebih	
Keberkesanan Aktiviti Penyelenggaraan	4	Keperluan dan Peraturan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan	Memastikan pematuhan terhadap peraturan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan	Laporan Perkhidmatan / arahan kerja	5%		Sejurus selepas setiap kerja selesai	Selap hari	Melaksi sasaran objektif	4	Selapas hari kesokomnya	
	5	Perkhidmatan Dilaksanakan Dengan Baik	Memastikan keadaan bangunan dalam keadaan terkawal dan selamat sepanjang masa	No of HSE non compliance/ Toward Zero	5%	0	1	1 - 3	Melaksi sasaran objektif	5	Lebih 5	
	6	Tindak Aduan Berulang	Memastikan kerja-kerja kawalan serangga dilakukan dengan sempurna	Kerja Berulang/ ≤ 5%	10.0%	< 3%	3% - 4.5%	4.5% - 5%	Melaksi sasaran objektif	6	≥ 7.5%	
Perkhidmatan Pelanggan	7	Masa untuk Menghadiri Aduan & Permintaan	Memberi maklumbalas/ tindakan yang cepat terhadap sebarang kerosakkan	Respond Time/ ≤ 1.5 jam	10.0%	Kurang 30 minit	30 min - 1 jam	Melaksi sasaran objektif	7	1.5 - 2 jam	melebihi 2 jam	
	10	Maklumbalas Pelanggan	Memastikan pelanggan berpuas hati terhadap perkhidmatan dan pembaikan yang diberikan	Perkataan Kepuasan Pelanggan/ Tahap 3	5.0%	Amat Sangat Berpuas Hati	Sangat Berpuas Hati	Berpuas Hati	Melaksi sasaran objektif	8	Amat Tidak Berpuas Hati	

Saya mengesahkan bahawa saya telah beribincang mengenai maklumat di atas dan bersetuju dengan penilaian yang dilakukan

Saya mengesahkan bahawa saya telah beribincang dengan ..... yang dinilai mengenai maklumat di atas

Tandatangan :  
Nama:  
Tarikh:

Tandatangan Pegawai Penilai:  
Nama:  
Tarikh:

Perkadaran	Keberhasilan
5	Mendapat ≥ 400 markah
4	Mendapat ≥ 300 dan ≤ 400 markah
3	Mendapat ≥ 200 dan ≤ 300 markah
2	Mendapat ≥ 100 dan ≤ 200 markah
1	Mendapat ≤ 100 markah

## LAMPIRAN B

### ***BUSINESS CONTINUITY PLAN / DISASTER RECOVERY PLAN*** (PELAN KESINAMBUNGAN PERNIAGAAN / PELAN PEMULIHAN BENCANA)

1. Syarikat yang dilantik perlu membangunkan "*Business Continuity Plan / Disaster Recovery Plan*" (*BCP / DRP*) masing-masing yang selaras dengan '*BCP / DRP*' BSN.
2. Syarikat yang dilantik juga perlu mendaftarkan senarai kakitangan teknikal kepada BSN. (rujuk format di lampiran 'C' di muka surat 19).
3. Tujuan membangunkan '*BCP / DRP*' adalah sebagai tindakan pilihan ke dua (2) / Pelan B, jika sekiranya berlaku sebarang gangguan kepada operasi Syarikat yang menyebabkan perniagaan bank terjejas. Diantaranya adalah seperti berikut;
  - i. Nombor telefon Syarikat yang dilantik tidak dapat dihubungi. Contohnya : syarikat telah berpindah / talian telefon berlaku kerosakan / Pejabat syarikat terbakar atau;
  - ii. Kakitangan teknikal syarikat tidak dapat dihubungi. Contoh : berada diluar kawasan liputan / dikuarantin diatas sebab-sebab penyakit berjangkit atau;
  - iii. Alat ganti tidak dapat dibekalkan oleh pembekal utama apabila dikehendaki. Contoh : pembekal tidak dapat membekal alat ganti yang dikehendaki akibat kehabisan stok / alat ganti tidak dapat dibekalkan selepas waktu pejabat atau hari cuti hujung minggu atau hari cuti am.

Jika berlaku situasi seperti di item no. 2 i, ii dan iii, '*BCP / DRP*' perlu di aktifkan.

4. '*BCP / DRP*' juga akan diaktifkan apabila berlaku sebarang kecemasan atau gangguan atau kerosakan ke atas sistem-sistem utama yang menyebabkan Operasi Perbankan terganggu atau terjejas dalam tempoh masa yang melebihi 2 jam.
5. Bagi memastikan '*BCP / DRP*' ini setiasa berada didalam keadaan sedia, ujian perlu dilakukan sekurang-kurangnya sekali dalam setahun.

**BORANG MAKLUMAT 'BCP / DRP'**



**A. Nama & Nombor Telefon Yang Perlu Dihubungi Jika Berlaku Sebarang Gangguan Atau Kerosakan.**

Kontraktor panel yang dilantik perlu memberikan no. telefon kakitangan teknikal yang mudah dihubungi (24 jam sehari, 7 hari seminggu, 365 hari setahun) untuk melaporkan sebarang kerosakan mengikut skop kerja masing-masing dan perlu hadir ke lokasi didalam jangka masa yang telah ditetapkan. Sila nyatakan nombor telefon yang perlu dihubungi oleh pihak bank mengikut jawatan yang tertinggi:-

No	Nama Syarikat	No. Telefon Pejabat (1)	No. Telefon Pejabat (2)	No. Telefon Pejabat (3)
1				

No	Nama Kakitangan Teknikal (Mengikut Keutamaan)	Jawatan	No. Tel. Pejabat	No. Telefon Bimbit	No. Telefon Lain Yang Boleh Dihubungi
1					
2					
3					
4					
5					

**B. Nama Syarikat, Nama Pemilik dan Nombor Telefon Syarikat Pembekalan Alat Ganti.**

Kontraktor panel perlu mengemukakan senarai syarikat pembekalan alat ganti mengikut keutamaan pilihan bertujuan bagi memastikan alat ganti tidak terputus bekalan apabila diperlukan semasa kerja-kerja pembaikan serta-merta atau segera.

No	Senarai Syarikat Pembekal Alat Ganti (Mengikut Keutamaan)	Alamat	No. Telefon Pejabat	No. Telefon Bimbit	No. Telefon Lain Yang Boleh Dihubungi
1					
2					
3					

#### 4.19. TERMA-TERMA KESALAHAN RASUAH

- a) Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, memberi meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan satu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694) .

*Any act or attempt to corruptly offer or give, solicit or receive any gratification to and from any person in connection with this procurement is a criminal offence under the Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009 (Act 694).*

- b) Sekiranya mana-mana pihak ada menawarkan atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan satu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694)

*If any person offers or gives any gratification to any members of public service, the latter shall at the earliest opportunity thereafter lodge a report at the nearest office of the Malaysian Anti Corruption Commission Agency or police station. Failure to do so is an offence under the Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009 (Act 694).*

- c) Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan kontraktor atau pembekal boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694).

*Without prejudice to any other actions, disciplinary action against a member of the public service and blacklisting of the contractor or supplier may be taken if the parties are involved with any act of corruption under the Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009 (Act 694).*

- d) Mana-mana kontraktor atau pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barangan dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694).

